

Town and Gown

gegar Batu Pahat

Utusan 13/10/2014

Dalam mempromosi Community Celebration kepada penduduk Batu Pahat, Johor sempena Majlis Konvokesyen UTHM kali Ke-14



PENDAFTAR UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman (kanan) membacakan pengisytiharan Konvokesyen UTHM kali ke-14 dan penyerahan skrol konvokesyen kepada Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab. Wahab Ridwan (kiri) sambil disaksikan Dr. Mohd. Noh Dalimin.

SEBANYAK 27 kontingen melibatkan 1300 peserta terdiri daripada mahasiswa dan kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) serta beberapa agensi luar memeriahkan Perarakan Town and Gown yang diadakan di Bandar Batu Pahat, Johor pada 27 September lalu.

Perarakan konvokesyen yang juga dikenali sebagai 'Communiversity Celebration' itu merupakan aktiviti tahunan universiti ternama di luar negara seperti Universiti Princeton, Universiti Charles Stuart, Universiti St. Andrews dan Universiti Michigan Ann Arbor di negara ini. UTHM merupakan institut pengajian tinggi pertama yang mengadakan perarakan seperti itu.

Tujuan perarakan ini diadakan bagi mempromosi Majlis Konvokesyen ke-14 UTHM yang akan berlangsung pada 11 hingga 13 Oktober 2014 kepada penduduk Batu Pahat, Johor. Perarakan penuh warna warni ini bermula dari jalan Rahmat menuju ke Dataran Penggaram, Batu Pahat. Acara Kemuncak perarakan menyaksikan upacara pembacaan pengisytiharan Konvokesyen UTHM kali ke-14 oleh Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman dan penyerahan skrol konvokesyen kepada Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab. Wahab Ridwan.

Majlis itu turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Turut diadakan, penyampaian hadiah

tempat pertama hingga ketiga kepada kumpulan pemenang bagi acara perarakan yang dipertandingkan. Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV) dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori umum manakala pasukan Kor Suksis pula juara bagi kategori Badan Beruniform.

Selain perarakan, majlis perasmian turut menampilkan artis jemputan iaitu penyanyi Nash untuk menggambarkan lagi suasana malam perarakan tersebut.

Aktiviti sampingan turut diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan antara UTHM dengan masyarakat setempat. Antaranya ialah Klinik Bola kendalian Lagenda Bintang Bola Sepak Johor, Pameran Kembara Mahkota Johor dan Pameran Piala Liga Super, Perlawanan Bola Sepak Persahabatan serta sesi bersama bintang JDT. Perarakan Town and Gown ini merupakan kali keenam dianjurkan oleh UTHM.